

DASAR BELIA SELANGOR 2020



Disediakan oleh:
PASUKAN PENYELIDIK
INSTITUT PENGAJIAN SAINS SOSIAL (IPSAS)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

JULAI 2021

Disediakan untuk:
PEJABAT EXCO GENERASI MUDA,
SUKAN DAN MODAL INSAN
NEGERI SELANGOR

KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor	4
Menteri Besar Selangor	5
Exco Generasi Muda, Sukan & Modal Insan	8
RINGKASAN EKSEKUTIF	10

BAB 1: PENGENALAN

Latar Belakang	16
Objektif	17
Keperluan Dasar Belia Selangor 2020	18

BAB 2: SENARIO PEMBANGUNAN BELIA SELANGOR

Sejarah dan Perkembangan Semasa Pembangunan Belia	22
Inisiatif pembangunan belia di peringkat nasional dan negeri	23
Statistik Data Belia	25



BAB 3: PELAKSANAAN DASAR BELIA SELANGOR	28
Kronologi Dasar Belia Selangor 2020	30
BAB 4: BIDANG KEUTAMAAN POLISI DAN STRATEGI	32
PELAKSANAAN	
10 Domain Utama Dasar Belia Selangor 2020	34
BAB 5: HARAPAN MENUJU 2030	56
BAB 6: PENUTUP	62



KATA ALUAN

BUKU DASAR BELIA SELANGOR (DBS 2020)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim. Setinggi - tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dapat kita meneruskan usaha membangun dan memperkasa golongan belia di Negeri Selangor.

Tahniah dan syabas Beta ucapkan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang sentiasa komited dalam agenda pembangunan dan pemerkasaan belia yang dipacu oleh Yang Berhormat (Y.B.) Tuan Mohd Khairuddin Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada kumpulan pakar penyelidik yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor Youth Community (SAY), Penggerak Belia Selangor (PeBS), Majlis Belia Selangor (MBS), Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pertubuhan-pertubuhan yang telah terlibat menyempurnakan kajian mengenai pembentukan Dasar Belia Selangor 2020 (DBS 2020). Beta sangat gembira kerana DBS 2020 ini dibangunkan berdasarkan dapatan empirikal hasil daripada pelaksanaan Kajian Pembentukan Dasar Belia Selangor 2020.

Pada hemat Beta, DBS 2020 ini mengambil kira keperluan dan aspirasi semasa serta sebagai satu panduan kepada belia Selangor dalam jangka masa sepuluh tahun. DBS 2020 telah berani memberi takrifan baru kepada kumpulan umur bermula 15 hingga 30 tahun sebagai golongan ‘Belia’ manakala 30 hingga 40 tahun sebagai ‘Belia Dewasa’ sebagai kumpulan pemangkin dalam memacu pembangunan sosial, ekonomi, politik dan teknologi di Negeri Selangor. Pada masa yang sama, Beta percaya DBS 2020 ini merupakan teras untuk melahirkan lebih ramai pemimpin dalam kalangan belia di Negeri Selangor.

Beta mendoakan agar DBS 2020 ini akan menjadi panduan kepada semua pihak berkepentingan dalam agenda pembangunan belia Negeri Selangor sekaligus menyediakan hala tuju ke arah pembangunan belia yang progresif, kompetitif dan memacu kecemerlangan Negeri Selangor ke tahap yang cemerlang dan konsisten.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian.

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
Raja Muda Selangor



KATA ALUAN

BUKU DASAR BELIA SELANGOR (DBS 2020)



Setinggi – tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dapat kita meneruskan usaha membangun dan memperkasa generasi muda Negeri Selangor.

Sekalung penghargaan buat kumpulan penyelidik pakar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor Youth Community (SAY), Penggerak Belia Selangor (PeBS), Majlis Belia Selangor (MBS) serta pertubuhan-pertubuhan belia dan politik yang telah terlibat menyempurnakan kajian mengenai pembentukan Dasar Belia Selangor 2020 (DBS 2020).

Di peringkat Persekutuan, Dasar Belia Negara (DBN) sememangnya sudah wujud dan diperkuuhkan lagi dengan Akta Pembangunan Belia Negara. Di peringkat Negeri pula, Dasar Belia Selangor 2014 telah disusun bagi memastikan usaha membangun generasi muda di Selangor terus dipergiatkan.

Kini, Kerajaan Negeri mengorak langkah ke hadapan dengan mewujudkan Dasar Belia Selangor 2020 sebagai pelengkap bagi dokumen dasar-dasar terdahulu dengan garis pelaksanaan untuk jangka masa 10 tahun ke hadapan. DBS 2020 ini merupakan perancangan yang lebih terperinci, komprehensif, dinamik dan mampan.

Keperluan dan kehendak generasi muda masa kini sememangnya berbeza dan selera mereka berubah dengan sangat pantas. Kita semua perlu cakna dan bersedia menggalas cabaran untuk menyediakan sebaik mungkin apa sahaja yang diperlukan oleh generasi muda agar mereka dapat memperlihatkan jati diri yang kukuh, dan menampilkan nilai-nilai murni serta berkeupayaan tinggi untuk bersaing.

Bakat dan kebolehan mereka perlu dicungkil, digilap dan dikedepankan agar mereka dapat bersama-sama membawa aspirasi Negara ke arah perkembangan masyarakat yang matang, lebih-lebih lagi untuk Negeri Selangor.

Justeru, pendekatan berdasarkan pembangunan potensi belia yang disusun kemas di dalam DBS 2020 ini wajar dilaksanakan dengan segera. Sepuluh (10) domain penting telah digariskan merangkumi aspek kepimpinan dan literasi politik; hubungan antarabangsa dan pemikiran global; keusahawanan dan ekonomi digital; pekerjaan dan pembangunan kemahiran; pendidikan; kebudayaan, kreativiti dan sukan; keagamaan, kesihatan dan kesejahteraan; digital dan media sosial; nasionalisme dan patriotisme dan keseimbangan alam sekitar.

Saya mengucapkan syabas kepada YB Exco atas inisiatif ini dan mendoakan semoga dengan terhasilnya Dasar Belia Selangor 2020 ini akan menjadi penanda aras baharu buat semua pihak dalam pembangunan generasi muda Negeri Selangor yang progresif, berdaya saing dan mampan selaras dengan cogan kata Selangor Maju Bersama.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

KATA ALUAN

BUKU DASAR BELIA SELANGOR (DBS 2020)



Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya dapat kita teruskan usaha untuk membangun dan memberdaya pembangunan belia di peringkat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor melalui portfolio saya, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor Youth Community (SAY), Penggerak Belia Selangor (PeBS), Majlis Belia Selangor (MBS) serta pertubuhan-pertubuhan belia dan politik telah bekerjasama dalam menerbitkan buku Dasar Belia Selangor 2020 (DBS 2020) dalam bentuk infografik yang menarik.

Sehingga Suku Tahun Kedua 2021, Negeri Selangor mempunyai kira-kira 6.5 juta orang penduduk dan hampir separuh daripada jumlah itu terdiri daripada golongan belia merentasi pelbagai kaum dan budaya yang mana ciri-ciri dan sifat belia di negeri Selangor ini unik kerana berbeza daripada negeri-negeri lain di Malaysia. Pembangunan belia Selangor dalam kerangka DBS 2020 ini berdasarkan sepuluh domain iaitu kepimpinan dan literasi politik; hubungan antarabangsa dan pemikiran global; keusahawanan dan ekonomi digital; pekerjaan dan pembangunan kemahiran; pendidikan; kebudayaan, kreativiti dan sukan; keagamaan, kesihatan dan kesejahteraan; digital dan media sosial; nasionalisme dan patriotism; dan keseimbangan alam sekitar.

Objektif DBS 2020 ini mengambil kira keperluan dan aspirasi semasa serta sebagai satu panduan kepada belia Selangor dalam jangka masa lima ke sepuluh tahun. DBS 2020 telah berani memberi tafsiran baru kepada media untuk kumpulan umur 31 hingga 40 tahun dengan menamakan sebagai kategori ‘Belia Dewasa’ bagi sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri kepada peranan belia dalam memacu ekonomi Negeri Selangor untuk melahirkan pemimpin masa depan.

Kerajaan Negeri sangat komited dengan DBS 2020 ini dan berharap semua pemegang-pemegang taruh di peringkat agensi kerajaan negeri, agensi swasta, pertubuhan, persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam pembangunan belia ini dapat menjadikan DBS 2020 ini sebagai rujukan dalam menyusun atur program-program di peringkat akar umbi dengan lebih mantap, komprehensif, dinamik dan proaktif.

Menjunjung kasih dan penghargaan kepada DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Negeri Selangor, Dato' Seri Amirudin Bin Shari atas sokongan padu kepada pembentukan Dasar Belia Selangor 2020 ini. Terima kasih tidak terhingga juga kepada UPM, SAY, PeBS dan MBS yang menjadi tulang belakang dalam menyempurnakan buku DBS 2020 ini.

Semoga buku DBS 2020 ini akan menjadi pemangkin dan pendorong kepada semua pihak untuk bertanggungjawab terhadap pembangunan belia Negeri Selangor sekaligus menyediakan hala tuju ke arah pembangunan belia yang progresif, kompetitif dan memacu kecemerlangan Negeri Selangor pada tahun yang mendatang, In sha Allah.

Sekian, salam hormat.

YB TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
Exco Generasi Muda, Sukan & Modal Insan









RINGKASAN EKSEKUTIF

HASIL DAPATAN KAJIAN FASA 1

Memperkuatkan kerangka Dasar Belia Selangor 2020

04

KLUSTER
UTAMA YANG
TERLIBAT

10

DOMAIN UTAMA
DASAR BELIA
SELANGOR 2020

CABARAN BELIA SELANGOR MASA KINI

SMART KERAJAAN

kepimpinan
dan literasi
politik

Hubungan
antarabangsa
dan pemikiran
global

SMART EKONOMI

Keusahawanan
dan ekonomi
digital

Pekerjaan dan
pembangunan
kemahiran

SMART KOMUNITI

Pendidikan
kebudayaan,
kreatif dan
sukan

Keagamaan,
kesihatan dan
kesejahteraan

SMART ALAM SEKITAR

Keseimbangan
alam sekitar

Digital dan
media sosial

Nasionalisme
dan patriotisme



KUMPULAN SASAR BELIA SELANGOR



TAKRIFAN UMUR

Belia dan Belia dewasa (Generasi Muda) Selangor



TAKRIFAN BELIA
15-30
TAHUN

TAKRIFAN BELIA DEWASA
(GENERASI MUDA)
>30 & <40 TAHUAN



10

DOMAIN UTAMA DASAR BELIA SELANGOR 2020

KEPIMPINAN
DAN LITERASI
POLITIK

HUBUNGAN
ANTARABANGSA
DAN PEMIKIRAN
GLOBAL

KEUSAHAWANAN
DAN EKONOMI
DIGITAL

PEKERJAAN DAN
PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN

PENDIDIKAN

KEBUDAYAAN,
KREATIVITI DAN
SUKN

KEAGAMAAN,
KESIHATAN DAN
KESEJAHTERAAN

MEDIA DIGITAL
DAN SOSIAL

NASIONALISME
DAN
PATRIOTISME

KESEIMBANGAN
ALAM SEKITAR





DASAR BELIA SELANGOR

BAB 1

PENGENALAN



ATARAN SHAH



pezs MY



LATAR BELAKANG

Belia merupakan asas sebenar atau tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Oleh itu usaha-usaha hendaklah terus ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecekapan mereka. Ini amat perlu memandangkan cabaran masa hadapan yang akan ditempuh oleh para belia adalah lebih hebat dan canggih yang memerlukan satu persiapan atau persediaan diri yang hebat. Pembangunan belia adalah proses kepada pembangunan pengetahuan, tingkah laku dan sikap positif yang membantu proses pembangunan belia positif (PYD) (Lerner et al., 2005; Silbereisen & Lerner, 2007; Lerner et al., 2011; Whipple et al., 2020; Zhu et al., 2020). Pembangunan belia adalah satu proses yang tersusun dan berterusan yang mampu melahirkan belia sebagai pemimpin dan rakan pembangunan negara (Mohd Mursyid Arshad, Ismi Arif Ismail, Nur Raihan Che Nawi & Nasreen Khanum, 2019).

Aktiviti pembangunan belia perlu responsif kepada keperluan semasa belia serta proaktif bagi memberikan tumpuan kepada penyerahan potensi belia (Azimi, 2005) untuk manfaat pada masa kini dan masa hadapan. Tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan adalah agak sukar bagi belia untuk mengharungi kesulitan

kehidupan masa depan apatah lagi hendak memajukan negara. Ini boleh menjelaskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan yang hendak dicapai selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju di dalam era Revolusi 4.0 ini. Menurut Dzuhalim et al. (2012), pembentukan sesebuah polisi termasuk pembangunan dasar berkaitan belia perlu berasaskan kepada penyelidikan berimpak tinggi agar pelaksanaannya nanti dapat dilaksanakan secara sistematik bersama kumpulan sasaran. Tambahan pula, intipati utama program pembangunan kompetensi belia perlu menekankan aspek pembangunan kemahiran baru (upskilling), memperkasa kemahiran belia sedia ada (reskilling) dan menyilangkan belia dengan kemahiran lain (cross-skilling) supaya mampu melaksanakan kepelbagai tugas agar selari dengan keperluan semasa (Mohd Mursyid Arshad, 2021). Ini penting dalam memastikan proses pembangunan belia meliputi pembinaan aset luaran belia dalam bentuk sokongan golongan dewasa bagi mengukuhkan aset dalam belia itu sendiri (Mohd Mursyid Arshad, Rosch & Ismi Arif Ismail, 2019).



OBJEKTIF

DASAR BELIA SELANGOR 2020

Objektif Dasar Belia Selangor 2020 adalah bertujuan untuk:

1. Menghasilkan standard key performance index (KPI) dalam DBS 2020 bagi memantau aktiviti pembangunan belia merentas agensi berkepentingan di bawah Kerajaan Negeri;
2. Menghasilkan kerangka draf DBS 2020 yang berasaskan ‘dari belia kepada belia’ mendepani era Revolusi Industri 4.0 yang digariskan dalam polisi SMART Selangor;
3. Menghasilkan draf DBS 2020 yang komprehensif dan fleksibel bagi memandu aktiviti pembangunan belia di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.



KEPERLUAN DASAR BELIA SELANGOR 2020

Pengurusan pembangunan belia mengalami fasa perubahan yang pantas seiring dengan faktor globalisasi. Oleh itu, satu kerangka atau dasar pembangunan belia positif yang holistik, dari peringkat individu belia hingga ke peringkat pemegang taruh berkepentingan mesti diwujudkan. Dasar ini akan bertindak sebagai manual yang memandu hala tuju pembangunan belia. Selain itu, ia juga akan berfungsi sebagai penimbang tara kepada status program pembangunan belia semasa. Soal sejauh mana keupayaan program pembangunan belia memacu belia sebagai rakan pembangunan adalah dicerminkan oleh dasar yang dipandu.

Tidak dinafikan bahawa kelompongan yang terjadi dalam mana-mana program pembangunan belia disebabkan oleh banyak faktor. Tetapi, perkara paling asas yang mengakibatkan ia berlaku adalah kerana pelaksanaan program tidak bersandarkan kepada dasar khusus yang dipandu. Program pembangunan belia memang perlu dipergiatkan atau dipelbagaikan, tetapi apakah ia dipantau dalam satu standard ‘petunjuk prestasi’ bagi memastikan setiap pelaburan mendatangkan hasil yang diinginkan. Tindakan yang dibuat tanpa dasar yang konkret memungkinkan kegagalan dalam sesuatu tindakan.

Dalam konteks Selangor, Y.A.B Dato’ Menteri Besar dengan jelas menekankan penelitian setiap inci lebih 30 strategi yang terkandung dalam Dasar Belia Selangor 2015 yang mempunyai lapisan pendekatan insentif cadangan yang telah direncana ketika pembangunan dasar dilakukan. Berdasarkan penekanan tersebut, timbul persoalan apakah mekanisme yang digunakan berasaskan dasar khusus pembangunan belia yang dibentuk, dikaji serta melibatkan belia dalam membuat keputusan bersama. Keperluan untuk memperkasa Dasar Belia Selangor 2015 melalui penggubalan Dasar Belia Selangor 2020 memerlukan penekanan mengapa belia Selangor perlu melakukan perubahan terutama melibatkan perkara yang belum dapat dicapai daripada dasar yang dirangka pada tahun 2015. Penggubalan DBS 2020 juga perlu



mempertimbangkan apa perubahan semasa yang sedang dihadapi oleh belia Selangor, kelebihan yang mereka miliki, hala tuju mereka, kaedah bagi mencapai hala tuju berkenaan dan jangka masa bagi mencapai hala tuju pembangunan belia Selangor yang holistik. Walaupun keadaan yang berlaku tidak kritikal, namun sekurang-kurangnya kelemahan yang berlaku sedikit sebanyak memberi implikasi negatif terhadap gerak kerja membangunkan negeri.

Justeru, pengkaji percaya bahawa kelemahan yang wujud boleh diatasi jika sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai dasar atau polisi yang selari dengan keperluan semasa yang dinamik khususnya pasca pandemik COVID-19. Tetapi, apa yang lebih penting nanti ialah dasar yang dibentuk dapat diterjemah dalam program pembangunan belia negeri dengan mengambil kira elemen return on investment.

Keupayaan politik (political will) sesebuah kerajaan dalam membangunkan bidang-bidang penting pembangunan pada kebiasaannya akan dinilai menerusi dasar khusus yang dipandu. Di peringkat persekutuan, kewujudan Dasar Pembangunan Belia Negara yang dilancarkan pada tahun 1997 memiliki sejarah yang panjang iaitu seawal ia dibangkitkan oleh Majlis Belia Malaysia sejak tahun 1967 lagi. Apa yang menyedihkan, kajian penyelidik IPSAS (2011) mendapati DPBN 1997 hampir tidak dirujuk oleh sebahagian besar pemegang taruh di sesetengah agensi Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Kajian yang sama juga mendapati DPBN gagal dihayati dan diterjemahkan



melalui program yang mempunyai belia sebagai klien sasaran.

Mengambil iktibar dari keadaan yang berlaku, pembentukan Dasar Belia Selangor 2020 yang komprehensif dilihat memberi satu kelebihan kepada Kerajaan Negeri dari sudut pembangunan belia positif secara khusus, selain dari sudut keupayaan politik secara umum. Memandangkan betapa pentingnya kewujudan dasar pembangunan belia negeri, satu kajian saintifik ke arah pembentukan Dasar Belia Selangor 2020 yang mengambil kira keperluan Revolusi Industri 4.0, inisiatif SMART Selangor dan keperluan golongan belia Selangor bagi menghadapi tuntutan kehidupan era pasca Covid-19 dalam dunia VUCA (volatility, uncertainty, complexity and ambiguity) yang mencabar, perlu dilaksanakan sebelum sesuatu dasar yang komprehensif dan inklusif dapat dibentuk.

Merujuk kepada Dasar Belia Selangor 2015, terdapat 10 bidang yang menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan belia yang merangkumi pendidikan dan latihan kemahiran; keusahawanan dan perkerjaan; kepimpinan dan organisasi; teknologi maklumat dan komunikasi; kemasyarakatan, jaringan dan kesukarelaan; kebudayaan dan kesenian; kesejahteraan dan kesihatan; sukan dan kecergasan; agama dan spiritualiti serta pengantarabangsaan. Dasar Belia Selangor yang

dilancarkan pada tahun 2015 telah membawa kepada penubuhan Penggerak Belia Tempat (PeBT) Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, dapatan yang diperolehi dari perbincangan kumpulan berfokus (FGD) mendapati penggerak berkenaan memerlukan lebih penghayatan dalam agenda pembangunan belia agar pendekatan mereka dirasai oleh belia negeri Selangor, selain daripada perubahan struktur kepimpinan Kerajaan Negeri yang juga akhirnya mewujudkan limitasi kepada penghayatan dan kefahaman tentang dasar belia sebelum ini dalam kalangan pemegang taruh dan pembuat dasar berkaitan belia di negeri Selangor. Justeru, pembangunan Dasar Belia Selangor 2020 akan meneroka kesinambungan dasar yang sebelumnya melalui pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif.

Bagi memastikan kerelevan pembangunan selari dengan pembangunan teknologi dan siber, Pelan Tindakan SMART Selangor 2025 menggariskan keperluan kepada golongan belia untuk terlibat dalam insentif Kerajaan Pintar, Ekonomi Pintar, Komuniti Pintar dan Infrastruktur Digital Pintar yang selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0. Oleh yang demikian, terdapat keperluan dalam menambah baik agenda pembangunan belia Selangor yang digariskan dalam Dasar Belia Selangor 2015 supaya perancangan dan gerak kerja penggubalan Dasar Belia Selangor 2020 adalah relevan dalam situasi semasa yang menuju kepada kehidupan masa hadapan.



**DASAR
BELIA
SELANGOR**

BAB 2

**SENARIO
PEMBANGUNAN
BELIA SELANGOR**





UNDIAL

2.1 Sejarah dan perkembangan semasa pembangunan belia

Perkembangan pembangunan belia di Malaysia telah bermula sejak tahun 1990 dan telah diwartakan dalam Rancangan Malaysia ke Enam dengan memperuntukkan lebih 1 bilion ringgit belanjawan. Kepentingan pembangunan golongan ini terus ditambahbaik dalam Rancangan Malaysia ke 7 sehingga ke 10 dengan peningkatan jumlah belanjawan serta tumpuan pembangunan yang lebih menyeluruh dengan bab yang tersendiri dalam setiap rancangan Malaysia. Pembangunan belia di Malaysia telah diberi mandat kepada tiga buah organisasi iaitu Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (sejak 1964), Majlis Belia Malaysia (sejak 1948) dan Majlis Perundingan Belia Malaysia (sejak 1972).

Pembangunan belia di Malaysia digariskan di dalam Dasar Belia Malaysia yang dibina bagi menentukan pembangunan belia dirangka secara holistik dan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Penumpuan diberikan kepada aspek pengukuhan dan penyerahan potensi belia negara ke arah pembangunan belia masa hadapan yang lebih positif dan mencerminkan asas permulaan yang baik.

Dalam konteks ini, Dasar Belia Malaysia digubal secara holistik ke arah penyerahan potensi belia negara yang berasaskan kecerdasan intelektual; kecerdasan spiritual, kecerdasan emosi, dan kecerdasan fizikal. Matlamat pembangunan belia Malaysia yang digariskan di dalam Dasar Belia Malaysia adalah selari dengan pendapat para penyelidik dan pakar pembangunan belia di barat yang mengutamakan potensi dan bakat yang ada pada belia dan tidak menjadikan defisit sebagai perkara yang perlu diselesaikan.

Dasar Belia Malaysia adalah didasari oleh tiga teras iaitu Pembangunan Belia Positif; Dari Belia Untuk Belia; dan Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara. Pembangunan belia positif yang mengutamakan potensi, kekuatan dan bakat yang dimiliki oleh belia merupakan pendekatan terkini yang mengutamakan kekuatan belia berbanding defisit yang dimiliki oleh mereka (Ahmad Huzairi, 2016). Pembangunan

Kesejahteraan Aset Belia Malaysia (PKABM) dijadikan sebagai teras utama di dalam Dasar Belia Malaysia yang juga selari dengan Rancangan Malaysia yang dirancang untuk mengukuh dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara. Modal insan negara yang terdiri daripada golongan belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun menurut Akta Pertubuhan Belia & Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) didefinisikan semula oleh Dasar Belia Malaysia kepada belia berumur antara 15 hingga 30 tahun yang akan diimplementasikan sepenuhnya pada tahun 2018.

Di Malaysia, belia dikategorikan kepada 8 kumpulan sasaran belia untuk meningkatkan capaian pelaksanaan program pembangunan belia kepada golongan sasaran yang lebih terkhusus. Kumpulan tersebut terdiri daripada Belia Bersekolah, Belia Pengajian Tinggi, Belia Berkerjaya, Perkumpulan Belia, Belia Massa, Belia Malaysia Antarabangsa, Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir dan Belia Berisiko (DBM, 2015). Lapan kumpulan belia yang dikategorikan bagi memudahkan pelaksanaan program pembangunan belia di Malaysia merupakan perancangan terbaik bagi menjamin kelangsungan belia untuk terus membangun dan memasuki alam dewasa dengan terancang. Selain daripada itu juga, pengelasan kategori belia ini memudahkan masyarakat luar mengenal golongan belia dan seterusnya identifikasi belia menjadi lebih mudah.

Kesinambungan pembangunan negara bergantung kepada belia hari ini yang akan menjadi rakyat bagi masa hadapan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sehingga Kesebelas (1990-2020) pelbagai pendekatan pembangunan belia telah dijalankan terhadap golongan belia Malaysia. Antaranya, pertama adalah pembentukan individu belia dengan memupuk potensi dan bakat serta menggembangkan tenaga mereka untuk menyumbang secara berkesan dalam pembangunan negara. Di samping itu, penekanan juga diberi kepada aspek pembangunan manusia seperti menanam nilai moral dan etika yang tinggi dalam kalangan belia selaras dengan hasrat negara mewujudkan masyarakat penyayang.

Kedua, sebagai teras kepada pembangunan belia, menyediakan belia dengan kemahiran yang sesuai bagi meningkatkan penyertaan dan



sumbangan mereka kepada pembinaan negara disamping membentuk kualiti kepimpinan dan memupuk nilai positif dalam kalangan mereka. Ini bertujuan melahirkan generasi belia yang bukan sahaja berpendidikan, berkemahiran, berdisiplin dan dibekalkan dengan kualiti kepimpinan tetapi juga memiliki nilai moral yang tinggi. Penyertaan belia di bidang sukan dan kebudayaan akan juga dipertingkatkan memandangkan mereka merupakan alat bagi mewujudkan perpaduan, setiaawan dan semangat bekerjasama di kalangan berbagai kumpulan etnik serta memperkenalkan negara melalui penyertaan mereka dalam aktiviti dan program di peringkat antarabangsa.

Ketiga, pembangunan belia adalah berdasarkan kepada enam strategi iaitu meningkatkan usaha untuk meluaskan pengetahuan, mengambil langkah

berterusan untuk menanam nilai murni dan sikap positif, melengkapkan belia dengan kemahiran vokasional dan keusahawanan, meningkatkan kemudahan yang sesuai untuk menggalakkan interaksi sosial yang sihat, menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta membina semangat bekerjasama dan perkongsian antara agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Keempat, tumpuan pembangunan belia adalah usaha mengupayakan belia bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat, memupuk perpaduan serta membina nusa dan bangsa. Sehubungan ini, program yang telah dilaksanakan ialah menyediakan program kepemimpinan bagi belia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

2.2 Inisiatif pembangunan belia di peringkat nasional dan negeri

Belia memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri Selangor, justeru pelbagai insiatif telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi menjamin dan memupuk potensi belia Selangor. Antara program-program pembangunan belia yang tersedia untuk keterlibatan anak muda/belia di negeri ini adalah seperti yang berikut:

**AHLI PARLIMEN
BELIA
MALAYSIA**

**PROGRAM
FELO PERDANA
DAN FELO
KORPORAT**

**MAJLIS
PERUNDINGAN
BELIA NEGARA
(MPBN)**

**ANUGERAH
PERDANA BELIA
NEGARA (APBN)**

**SAMBUTAN
MINGGU
BELIA
MALAYSIA**

**KURSUS
KEPIMPINAN
ORGANISASI
(KPO)**

**YOUTH
CAREER
(Y-CAREER)**

**PELAYARAN
KLD TUNAS
SAMUDERA**

**PERTUKARAN
BELIA
ANTARABANGSA**

**PROGRAM
ANUGERAH REMAJA
PERDANA RAKAN
MUDA**

**PROGRAM
RAKAN MUDA
AKTIF**



Tujuan inisiatif ini dijalankan bagi membangunkan kepimpinan yang dinamik dan memiliki pelbagai kebolehan belia melalui pendidikan dan latihan, keusahawanan, sukan dan kesukarelawanan, nilai positif termasuk kerohanian, patriotisme, kebertanggungjawaban, penyayang, berdaya tahan dan berminda positif bagi meningkatkan integrasi sosial dan memupuk perpaduan dalam kalangan belia.

Kerajaan negeri juga telah dan sedang melaksanakan program pendidikan kepada belia Selangor yang bertujuan untuk:

- i. memberikan ruang dan peluang pendidikan kepada belia yang tidak berpeluang meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi serta meningkatkan taraf pendidikan mereka;
- ii. sebagai medan kepada belia tersebut bertukar-tukar idea dan maklumat bagi melancarkan gerak kerja pada masa akan datang yang akan dipandu oleh mereka yang arif dalam bidang yang diiktiraf oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam; dan
- iii. melahirkan graduan yang berpengetahuan dalam bidang teras Pembangunan Belia iaitu pendidikan belia, latihan dan pembangunan, pembangunan organisasi serta pembangunan kerjaya dalam membangunkan belia secara optimum.

Sebagai contoh kepada program pendidikan yang telah dilaksanakan adalah penawaran program Diploma Belia dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif). Sebanyak dua kohort telah dijalankan dengan jayanya bersama Universiti Putra Malaysia.



2.3 Statistik Data Belia

TAHUN	NEGERI	POPULASI PENDUDUK BELIA					
		15-30 TAHUN			30- 40 TAHUN		
		LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
*2019	SELANGOR	951.3	854.3	1,805.60	663.90	630.80	1,294.80
	JUMLAH KESELURUHAN	5,222.80	4,692.70	9,915.50	2,707.00	2,493.50	5,200.40
**2020	SELANGOR	782.6	741.6	1,524.20	758.60	660.90	1,419.50
	JUMLAH KESELURUHAN	4,637.70	4,362.80	9,000.50	3,187.30	2,759.00	5,946.30

GEJALA SOSIAL

Jumlah Tangkapan Narkotik Belia Di Selangor Mengikut Kategori Umur

UMUR	JUMLAH
<18 TAHUN	547
19-40 TAHUN	10,844

Jumlah Penagih Dadah Belia Di Selangor Mengikut Kategori Umur

UMUR	JUMLAH
15-30 TAHUN	813
15-40 TAHUN	1,367

KELAB & PERSATUAN

Jumlah Pertubuhan Belia & Ahli Pertubuhan Belia Mengikut Negeri Selangor Bagi Tahun 2020

	PERTUBUHAN BELIA	AHLI PERTUBUHAN BELIA
JUMLAH	1240	46

EKONOMI

Jumlah Kemiskinan Nasional Ketua Isi Rumah (KIR) Belia (15-40 Tahun) Mengikut Status Kemiskinan Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2020

KATEGORI KEMISKINAN			JUMLAH
MISKIN TEGAR	MISKIN	TERKELUAR	
2760	2284	2542	7586

Jumlah Kemiskinan Nasional Ketua Isi Rumah (KIR) Belia (15-40 Tahun) Mengikut Strata Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2020

STRATA		JUMLAH
BANDAR	LUAR BANDAR	
5,374	2,212	7,586

Jumlah Kemiskinan Nasional Ahli Isi Rumah (Air) Belia (15-40 Tahun) Mengikut Status Kemiskinan Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2020

KATEGORI KEMISKINAN			JUMLAH
MISKIN TEGAR	MISKIN	TERKELUAR	
29,813	28,381	38,924	29,813

Jumlah Kemiskinan Nasional Ahli Isi Rumah (Air) Belia (15-40 Tahun) Mengikut Strata Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2020

STRATA		JUMLAH
BANDAR	LUAR BANDAR	
67,965	29,153	97,118

KELAB & PERSATUAN

Jumlah Keseluruhan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Di Selangor

JUMLAH PENDAFTARAN OKU	95,106
------------------------	--------

PENGLIBATAN BELIA DALAM SUKAN

Statistik Atlet Belia (15-40 Tahun) Mengikut Jantina & Etnik Di Negeri Bagi Tahun 2019 & 2020

JANTINA	TAHUN	ETNIK	BILANGAN
LELAKI	2019	MELAYU	16
		CINA	8
		INDIA	3
		LAIN-LAIN	1
		BUMIPUTERA LAIN	0
	2020	MELAYU	7
		CINA	2
		INDIA	3
		LAIN-LAIN	0
		BUMIPUTERA LAIN	0
PEREMPUAN	2019	MELAYU	25
		CINA	11
		INDIA	8
		LAIN-LAIN	5
		BUMIPUTERA LAIN	1
	2020	MELAYU	0
		CINA	0
		INDIA	0
		LAIN-LAIN	0
		BUMIPUTERA LAIN	0

Statistik Atlet Belia (15-40 Tahun) Mengikut Etnik Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2019 & 2020

TAHUN	ETNIK	BILANGAN	JUMLAH
2019	MELAYU	41	86
	CINA	18	
	INDIA	16	
	LAIN-LAIN	7	
	BUMIPUTERA LAIN	4	
2020	MELAYU	3	4
	CINA	1	
	INDIA	0	
	LAIN-LAIN	0	
	BUMIPUTERA LAIN	0	




BAB 3

PELAKSANAAN DASAR BELIA SELANGOR







KRONOLOGI DASAR BELIA SELANGOR 2020

Ucapan pembentangan Belanjawan 2020 Negeri Selangor Darul Ehsan yang bertemakan ‘Selangor Negeri Unggul, Kehidupan Bermartabat’ pada 1 November 2019, Y.A.B. Dato’ Menteri Besar Selangor telah mengumumkan peruntukan besar ke arah memperkasakan belia dengan mengiktiraf kepentingan dan keterlibatan mereka yang mewakili separuh populasi Negeri Selangor untuk bersama-sama berganding bahu menggerakkan agenda pembangunan di negeri ini. Kerajaan Negeri sentiasa komited memperkasakan Generasi Muda Selangor, ‘Gen-S’ dengan merangka dan menjalankan pelbagai inisiatif berbentuk program berdasarkan kriteria 10 teras utama Dasar Belia Selangor 2015.

Di samping itu, dalam usaha memperkasakan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang merupakan

tonggak kepemimpinan belia Kerajaan Negeri, garis panduan dan gerak kerja sedia ada akan diperkemaskan dan diharmonikan agar selaras dengan acuan dan perspektif pandangan belia pada masa ini. PeBT adalah antara inisiatif belia Negeri Selangor yang menjadi contoh dan ikutan. Program PeBT ini terbukti berjaya melahirkan generasi pemimpin muda seperti Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis, Ketua Komuniti dan pelbagai lagi pemimpin masyarakat. Inisiatif ini akan melibatkan pemegang taruh yang secara langsung terlibat dalam pembangunan generasi muda dan barisan kepemimpinan PeBT di segenap pelusuk negeri melalui peruntukan sebanyak RM5.26 juta bagi tujuan pemerkasaan Generasi Muda dan PeBT di Selangor.


Sepintas lalu, terdapat program lain yang melibatkan belia sebagai golongan sasaran dengan peruntukan khusus, tidak dinyatakan sebelum ini antaranya mengaitkan golongan belia dengan kehidupan dalam era Revolusi Industri 4.0 yang menuntut perubahan dalam ekosistem pekerjaan dan masa hadapan generasi muda. Apa yang berlaku, keputusan tidak mengabaikan belia dalam pembangunan negeri dan Revolusi Industri 4.0 melalui Pelan Tindakan SMART Selangor 2025 merupakan tindakan kepimpinan yang bijak. Melalui catatan di Facebook 20 Januari 2020, Y.A.B Dato’ Menteri Besar Selangor dipetik sebagai berkata:

“Seiring dengan misi Negeri Pintar 2025, Kerajaan Selangor akan memastikan anak muda di negeri ini bersedia untuk berdepan Revolusi Industri 4.0. Selangor diharap mencapai sasaran itu dan terus mampu kekal bersaing di peringkat global.”

Justeru, komitmen membangunkan belia dengan pelbagai program dan peruntukan kewangan yang besar yang ditunjukkan Kerajaan Negeri dilihat menyumbang kepada pembangunan belia positif di Selangor selari dengan perkembangan teknologi dalam era Revolusi Industri 4.0 secara amnya dan Malaysia khususnya.



KRONOLOGI PELAKSANAAN DASAR BELIA SELANGOR





BAB 4

BIDANG KEUTAMAAN POLISI & STRATEGI PELAKSANAAN





Terdapat **10** domain utama Dasar Belia Selangor 2020 iaitu Kepimpinan dan Literasi Politik; Hubungan Antarabangsa dan Pemikiran Global; Keusahawanan dan Ekonomi Digital; Pekerjaan dan Pembangunan Kemahiran; Pendidikan; Kebudayaan, Kreativiti dan Sukan; Keagamaan, Kesihatan dan Kesejahteraan; Media Digital dan Sosial; Nasionalisme dan Patriotisme; serta Keseimbangan Alam Sekitar.

DOMAIN 1

KEPIMPINAN DAN LITERASI POLITIK

Domain ini memfokuskan kepada kepimpinan dan literasi politik dalam kalangan belia Selangor. Golongan belia adalah kelompok utama rakan pembangunan masyarakat pada masa kini dan akan datang. Mereka perlu memahami dan menjadi ahli masyarakat yang bertanggungjawab dan memimpin di pelbagai peringkat yang bersesuaian. Belia juga bakal mengisi majoriti pengundi muda dalam pilihanraya yang akan datang seiring dengan kelulusan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun yang akan mula dilaksanakan di Malaysia dan Selangor khususnya. Justeru, pemahaman tentang politik, demokrasi dan kepimpinan sangat penting kerana ia mempengaruhi gaya hidup, gaya fikir dan sosialisasi rakyat Selangor termasuk belia dalam mengendali kehidupan bermasyarakat mereka. Dapatan Indeks Belia Malaysia semenjak 2008 sehingga 2020 masih menunjukkan tahap yang paling rendah bagi domain sosialisasi politik berbanding semua domain yang lain. Ini membuktikan bahawa belia di Malaysia termasuk di Selangor sangat kurang memahami, mengikuti dan membincangkan tentang kepentingan politik, demokrasi dan kepimpinan dalam kehidupan seharian mereka (Indeks Belia Malaysia, 2008; 2011; 2015; 2019; 2020). Realiti ini menyebabkan belia antara kelompok yang rendah literasi dan kematangan politik dan demokrasi dan mudah untuk terpengaruh dengan maklumat yang negatif, menggugat kestabilan politik di Selangor dan kurang berminat untuk mengambil tanggungjawab sebagai pengundi dan pemimpin masyarakat yang aktif.

► ISU TERAS

1. Literasi dan kematangan politik dan demokrasi yang masih rendah dalam kalangan belia di Selangor.
2. Masih kurang penglibatan belia yang memimpin di pelbagai peringkat masyarakat di Selangor.
3. Budaya tular (viral) penyebaran maklumat palsu dan sensitif berkaitan politik, demokrasi dan kepimpinan untuk tujuan sensasi yang boleh menganggu gugat ketenteraman awam, kestabilan politik dan kesejahteraan rakyat di Selangor.



 **STRATEGI DASAR****1. Pewujudan Kongres Belia Selangor**

Kongres Belia Selangor akan menjadi platform perbincangan yang menggabungkan semua pemegang taruh dalam pembangunan belia Selangor. Kongres ini akan mengumpulkan semua pemegang taruh dalam pembangunan belia yang bertanggungjawab sebagai punca kuasa yang mewujudkan ekosistem yang menyokong kepada pendidikan dan pelaksanaan inisiatif ke arah belia Selangor yang celik politik, demokrasi dan kepimpinan.

- a. Kongres Belia Selangor ini akan mengadakan perjumpaan 2 kali setahun, dinaungi DYTM Raja Muda Selangor (Penaung DiRaja) dan diterajui oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor serta melibatkan pemegang taruh utama seperti YB Exco Generasi Muda dan wakil NGO dan Special Interest Group (SIG) Belia/ Parti Politik, wakil Agensi Kerajaan Negeri dan pihak lain yang bersesuaian dengan agenda pendidikan dan pembangunan literasi dan kematangan politik, demokrasi dan kepimpinan dalam kalangan Belia di Selangor.
- b. Pewujudan kumpulan “mastermind” di peringkat yang kecil yang seterusnya membawa perbincangan, cadangan ataupun isu-isu ke peringkat kongres yang dilaksanakan dua bulan sekali untuk memastikan hubungan dijaga dan dieratkan lagi di antara para belia yang berada dalam posisi kepimpinan.

Sumber yang diperlukan daripada kerajaan adalah kesungguhan politik untuk mengangkat resolusi Kongres dan peruntukan untuk pelaksanaan Kongres. Kongres ini berbentuk merentas sektor dan ideologi politik.

2. Pelaksanaan kuota representatif belia sebagai ahli dalam kepimpinan masyarakat merentas sektor (politik, sosial, komuniti, korporat)

Pelaksanaan kuota belia dalam kepimpinan agensi sosial masyarakat di Selangor akan memastikan belia diberi ruang untuk memimpin di semua peringkat merentas sektor (politik, sosial, komuniti, korporat dan sebagainya)

- a. Kuota sebanyak 30% harus diberikan kepada para belia yang berkemampuan untuk diberi peluang untuk mengasah bakat mereka dalam arena kepimpinan.
- b. Pemilihan representatif mestilah adil dan berdasarkan kepada merit seseorang individu.

3. Pelaksanaan had penggal (term limit) untuk kepimpinan dalam pertubuhan belia dan representatif belia dalam kepimpinan masyarakat merentas sektor (politik, sosial, komuniti, korporat)

Pelaksanaan had penggal untuk kepimpinan ini memastikan transisi kepimpinan berlaku dengan lancar dan mengelakkan pemusatan kuasa kepada individu tertentu. Ini akan memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai belia untuk mengambil tanggungjawab sebagai pemimpin masyarakat.

- a. Maksimum 2 penggal sahaja harus diberikan kepada setiap pemimpin. Malah pada penggal ke dua ataupun penggal terakhir pemimpin ini, mereka harus memilih dan melatih seseorang individu dalam organisasi mereka yang akan layak untuk menggantikan mereka.

- b. Selepas dua penggal berakhir, pengundian ataupun pemilihan dilakukan oleh ahli-ahli dalam sesuatu organisasi. Ini akan membantu dalam memastikan tiada seorang pemimpin sahaja yang memimpin untuk tempoh yang amat lama dan dapat menggalakkan konsep mentor-menti.
- 4. Perencanaan dan Pelaksanaan Program Pendidikan Kepemimpinan, Politik Dan Demokrasi dalam kalangan Belia di peringkat negeri Selangor di bawah Pejabat YB Exco Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan**

Sebuah inisiatif berskala besar di peringkat negeri bagi memberikan pendidikan dan latihan berkaitan kepemimpinan, politik dan demokrasi kepada belia Selangor perlu diwujudkan bagi melaksanakan program seperti wacana, jerawaraya (townhall), kursus jangka pendek, program pementoran dan perantisan yang mana hasil program kemudiannya perlu dinilai dan dilaporkan pencapaian dan keberkesanannya di Kongres Belia Selangor. Inisiatif ini penting bertujuan memasyarakatkan kepemimpinan, politik dan demokrasi dalam kalangan belia Selangor. Inisiatif ini akan berfungsi sebagai medium penyampaian utama di peringkat Negeri Selangor yang dilaksanakan merentas sektor berkaitan pendidikan kepemimpinan, politik dan demokrasi kepada belia Selangor.

- a. Latihan kemahiran berpidato atau berbicara, komunikasi, penulisan, pemikiran kritikal dan asas kepimpinan
- b. Pendedahan dan latihan asas politik daripada lensa non-partisan akan membuat mereka untuk berfikiran luas untuk membuat pemilihan dalam memilih cabang politik yang ingin mereka terajui seperti pengenalan prinsip-prinsip asas setiap parti politik di Malaysia.

Sesungguhnya literasi politik, kepimpinan dan demokrasi adalah penting dalam kalangan belia. Program pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat berkaitan politik, demokrasi dan kepimpinan perlu bermula dari peringkat awal persekolahan sesuai dengan penerimaan kumpulan sasaran sehingga mereka meningkat dewasa. Peningkatan sosialisasi politik belia Selangor akan menyediakan mereka sebagai pemimpin dan pewaris pentadbiran negeri Selangor.



DOMAIN 2

HUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PEMIKIRAN GLOBAL

Golongan belia merupakan aset yang amat penting kepada negara kerana belia hari ini akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang. Golongan belia sering diberikan penekanan dan perhatian yang khusus oleh kerajaan dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti dalam usaha melahirkan golongan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik di samping melengkapkan mereka dengan kemahiran, pengetahuan serta karakter kepemimpinan. Dalam persekitaran global yang semakin kompetitif, golongan belia berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa kini yang dijangka akan memberikan cabaran berganda buat golongan belia pada masa hadapan sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Sehubungan itu, adalah amat wajar aspek ini diberikan lebih perhatian kerana dapatan semasa menunjukkan ia masih di tahap yang belum boleh dibanggakan.

► ISU TERAS

1. Pengamalan nilai murni dan toleransi agama dan kaum yang masih kurang dalam kalangan belia;
2. Pemupukan unsur nasionalisme dan patriotisme yang kurang dalam institusi keluarga dan masyarakat;
3. Identiti belia Selangor yang tidak begitu menonjol berbanding sesetengah negeri lain di Malaysia;
4. Kekurangan penglibatan belia Selangor dalam aktiviti kebudayaan negeri;
5. Penguasaan bahasa kebangsaan yang masih lemah dalam kalangan belia pelbagai kaum

► STRATEGI DASAR

1. Menyediakan lebih banyak peluang kepada golongan belia untuk membina jaringan dan hubungan antarabangsa.

Selaku pemimpin masa hadapan negeri Selangor, rangkaian dan hubungan belia juga mesti bersikap global. Waktu paling mudah membina rangkaian atau network global ini ialah semasa peringkat belia.

- a. Mewujudkan dana khas bagi memastikan para belia berpeluang untuk menceburkan diri dalam aktiviti berkenaan jaringan dan hubungan antarabangsa untuk memberi peluang kepada belia mempelajari cara-cara untuk meningkatkan keupayaan dan kefahaman

tentang isu global, kebolehan pemikiran global dan keyakinan diri untuk menjadi generasi berdaya maju dan berkemampuan dalam menempuh cabaran dunia global.

- b. Membina jaringan dan hubungan antarabangsa dalam kalangan belia Selangor khususnya pelajar IPTA/IPTS dan Generasi Muda.

2. Membantu golongan belia dalam mengenal pasti platform (forum/ program/ seminar) antarabangsa yang boleh diakses

Dapatan kajian berkenaan dimensi Hubungan Antarabangsa dan Pemikiran Global mendapati adalah jelas menyatakan kepentingan golongan belia dalam membina rangkaian dan hubungan antarabangsa. Tambahan pula, proses globalisasi itu dirasai di kawasan bandar yang pesat membangun. Penduduk bandar didapati lebih realistik dalam menerima dan mengalami perubahan, bersesuaian dengan pendedahan yang semakin meluas ke arah perubahan ekonomi dan kesan daripada industri budaya yang pesat berkembang. Oleh itu, bantuan terhadap golongan belia dalam mengenal pasti platform (forum/ program/ seminar) antarabangsa yang boleh diakses perlu dipertingkatkan.

- a. Program pemasaran platform antarabangsa perlu dipertingkatkan lagi agar lebih dikenali dan mudah di akses oleh golongan belia.
- b. Melahirkan lebih ramai belia yang berkemahiran di dalam bidang Bahasa.
- c. Meningkatkan kemahiran pemikiran global belia melalui penyertaan forum antarabangsa.



DOMAIN 3

KEUSAHAWANAN DAN EKONOMI DIGITAL

Negeri Selangor telah mengorak langkah untuk menjadi Bandar Pintar pertama menjelang tahun 2025 dan satu daripada asas bagi merealisasikan konsep bandar pintar ialah dimensi Ekonomi Pintar. Belia Selangor merupakan kelompok yang penting sebagai aset kepada pembangunan dan kemajuan negeri. Tidak dapat dinafikan, kumpulan belia Selangor perlu dilibatkan dalam aliran utama ekonomi pintar supaya mereka menjadi insan yang bertanggung jawab, berdikari dan menjadi penggerak kepada pembangunan kendiri dan kemajuan negeri. Penglibatan para belia Selangor secara lebih menyeluruh dalam ekonomi pintar memerlukan kesungguhan dan komitmen semua pemegang taruh khasnya bagi mengenal pasti mekanisme yang boleh menggalakkan komitmen belia Selangor untuk menjayakan agenda ekonomi pintar negeri. Penglibatan belia Selangor dalam menjayakan matlamat ekonomi pintar akan menjurus kepada dua aspek penting iaitu keusahawanan dan ekonomi digital. Kajian semasa ke arah pembentukan Dasar Belia Selangor 2020 menemukan beberapa isu teras berkaitan Domain Keusahawanan dan Ekonomi Digital.

► ISU TERAS

1. Masih belum ada satu polisi ekonomi digital yang jelas pada masa kini di Selangor;
2. Kerenah birokrasi yang kompleks mengakibatkan belia enggan menceburii bidang keusahawanan;
3. Kekurangan pendedahan telah mengakibatkan mindset atau persepsi belia terhadap bidang keusahawanan bukan sebagai suatu laluan kerjaya yang utama;
4. Keperluan modal dan latihan serta kekurangan maklumat tentang peluang keusahawanan yang terdapat di negeri Selangor;
5. Jurang infrastruktur digital dan fizikal yang masih besar di luar bandar seperti rangkaian logistik, dan akses kepada Internet berkelajuan tinggi yang menyekat usahawan belia luar bandar untuk maju dalam perniagaan mereka.

► STRATEGI DASAR

1. Penubuhan satu urusetia bersepadu antara pelbagai agensi pemegang taruh

Satu urusetia bersepadu antara pelbagai agensi pemegang taruh perlu ditubuhkan bagi menyelaras dan membimbing usahawan Belia Selangor melalui penubuhan Agensi Usahawan Belia. Inisiatif ini dapat menyatukan pangkalan data usahawan belia, menyusun atur program bimbingan supaya tidak bertindih dan mencapai lebih banyak sasaran usahawan dari peringkat sekolah hingga dewasa, serta merangka polisi ekonomi digital menyasar kreatif dan inovasi (gig ekonomi).

2. Mewujudkan program bimbingan usahawan

Terlaksananya program bimbingan keusahawanan akan membolehkan beberapa inisiatif dapat dilaksanakan iaitu program jelajah digital menasarkan 10,000 usahawan dalam talian, kelas intensif keusahawanan dan perniagaan dalam talian dengan matlamat 3,000 setahun, pemberian baucar e-dagang kepada peserta (RM2-5 juta), dan sistem pemantauan susulan sehingga usahawan benar-benar berjaya dalam perniagaan dengan matlamat pencapaian melebihi 50%.


3. Sumber

Para belia dibekalkan dengan sumber yang mencukupi misalnya dari segi modal, infrastruktur pendigitalan termasuk capaian Internet, pementoran, latihan dan pembangunan kapasiti, pendidikan kewangan, kemahiran membuat analisis permintaan dan penawaran pasaran serta penghasilan produk unik dan sebagainya.

4. Meningkatkan penggunaan ekonomi digitalisasi

Kerajaan negeri meningkatkan pelbagai mekanisme publisiti khasnya yang selalu digunakan oleh para belia untuk menarik lebih ramai belia untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan digital.

- a. Menyediakan platform e-commerce lokal
- b. Menyediakan sistem permohonan kontrak farming secara dalam talian
- c. Mewujudkan sistem bimbingan usahawan secara digital



DOMAIN 4

PEKERJAAN DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Pekerjaan dan pembangunan kemahiran adalah keperluan yang amat penting bagi belia di Selangor untuk menjamin kelangsungan hidup. Pembangunan kemahiran yang berterusan dan juga kepelbagaiannya perlu dipupuk dan dibantu bagi menjamin belia mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian serta dapat membantu perkembangan ekonomi Selangor.

► ISU TERAS

1. Kemudahan dan infrastruktur latihan dan pembangunan kemahiran kurang disediakan
2. Pembangunan kerjaya tidak menjadi keutamaan
3. Sistem sokongan tidak kondusif untuk pekerjaan belia
4. Mekanisme pentadbiran inisiatif kerjaya dan pembangunan kemahiran kurang berkesan

► STRATEGI DASAR

1. Pembentukan pusat belia maya di Selangor

Pembentukan pusat belia maya adalah satu keperluan yang segera. Pusat belia alam maya akan menjadi sebagai pusat sehenti yang boleh memainkan peranan sebagai ‘jantung’ kepada pembangunan belia Selangor. Pusat ini dapat menyediakan maklumat mengenai pembangunan kemahiran yang diperlukan serta peluang-peluang pekerjaan kepada belia Selangor. Pusat ini juga harus diselenggarakan oleh sebuah agensi di bawah kerajaan Selangor. Pusat ini juga perlu menggabungkan secara bersama kesemua entiti seperti Smart Selangor serta lain-lain agensi yang berkaitan.

2. Pembangunan kerjaya

Memperbanyakkan program dan aktiviti untuk meningkatkan pembangunan kerjaya belia Selangor, antaranya pembangunan kemahiran komunikasi, kemahiran insaniah dan karnival kerjaya/pendidikan.

3. Pewujudan sistem pemantauan adaptif

Sistem pemantauan adaptif atau mudah suai perlu diwujudkan bagi memantau kemudahan serta infrastruktur yang telah disediakan. Ini bagi memastikan semua kemudahan serta infrastruktur dapat di gunakan sepenuhnya dalam usaha memperkasakan belia di Selangor. Sistem pemantauan ini perlu dilaksanakan oleh semua pengusaha dan pemilik kemudahan serta infrastruktur di Selangor.

4. Peningkatan mekanisme pentadbiran, pelaksanaan dan pemantauan

Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan bagi semua program dan aktiviti pembangunan kemahiran belia perlu ditingkatkan oleh semua agensi yang terlibat seperti majikan industri serta institusi untuk belia Selangor.

- a. Mewujudkan pekerjaan serta pembangunan kemahiran yang tersusun dan lebih bersasar
- b. Pemerkasaan melalui inisiatif kerajaan yang sedia ada bagi membantu para belia yang hilang pekerjaan seperti Program Agro Ehsan usahasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
- c. Memberi peluang baru kepada para belia membina keyakinan di dalam peluang pekerjaan yang lebih mencabar



DOMAIN 5

PENDIDIKAN

Seiring dengan pembangunan pesat di negeri Selangor, hab pendidikan juga mempengaruhi gaya hidup dan pemikiran belia. Ini kerana, negeri Selangor mempunyai penduduk yang ramai dan juga mempunyai jumlah pelajar yang tertinggi dan negeri Selangor lebih dikenali sebagai hab pendidikan.

► ISU TERAS

1. Laluan pelajar – pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
2. Kemahiran bakat kurang diberi tumpuan di sekolah / institusi pengajian tinggi
3. Karakter pelajar berbeza mengikut sekolah
4. Inisiatif pendidikan Kerajaan Negeri Selangor perlu disebar luaskan
5. Kekurangan kemudahan pembelajaran – komputer dan Internet

► STRATEGI DASAR

1. Pewujudan Pelan Tindakan Pendidikan Belia Selangor

Satu Pelan Tindakan Pendidikan Belia Selangor perlu dibangunkan, hal ini kerana negeri Selangor mempunyai pelajar yang tertinggi dan juga dikenali sebagai hab pendidikan. Dengan wujudnya Pelan Tindakan Pendidikan ini akan menjadi asas kepada usaha menggabungkan semua pemegang taruh dalam mewujudkan ekosistem yang menyokong kepada pendidikan dan pelaksanaan inisiatif ke arah Belia Selangor yang tidak ketinggalan dalam pendidikan dan dapat mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia. Hal ini kerana, sekiranya Pelan Tindakan Pendidikan Belia Selangor ini dapat mengatasi isu – isu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia, dan menyediakan rangka laluan kerjaya kepada kalangan belia yang hilang arah masa hadapan atau tercicir dalam pelajaran. Pelan ini akan melibatkan pemegang taruh utama seperti YB Exco Generasi Muda, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, dan pihak lain yang mempunyai peranan yang dalam pendidikan khususnya dalam negeri Selangor.

2. Inisiatif Pendidikan Kerajaan Negeri Selangor perlu menyebarluaskan

Inisiatif Pendidikan Kerajaan Negeri Selangor yang sedia ada merupakan usaha yang terbaik

yang telah dilakukan. Akan tetapi dalam usaha untuk memberi inisiatif pendidikan kepada belia di Selangor supaya kalangan – kalangan ini tidak ketinggalan dalam pendidikan, atau supaya inisiatif ini sampai tepat kepada belia yang memerlukan. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor mungkin perlu menukar strategik dalam menyebarluaskan inisiatif pendidikan Kerajaan Negeri Selangor yang lebih ‘mesra belia’.

3. Penerapan kemahiran bakat di sekolah / institut pengajian tinggi

Penerapan kemahiran bakat ini lebih kepada kemahiran di luar bidang pengajian, kemahiran ini lebih kepada ‘kemahiran hidup’. Hal ini kerana, kemahiran bakat / hidup ini dapat di praktis dan juga boleh digunakan pada masa hadapan. Dan pada masa yang sama negeri Selangor akan melahirkan belia yang mempunyai kemahiran yang pelbagai. Dalam konteks negeri Selangor, belia juga menekankan kepentingan pendidikan kemahiran dapat menjamin masa depan mereka, di samping berharap kerajaan negeri dapat memainkan peranan dengan baik bagi menyediakan pendidikan kemahiran seiring dengan permintaan pasaran kerja.

- a. Mengenal pasti kecenderungan melalui kerjasama sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi di Selangor
- b. Menajamkan lagi bakat yang sedia ada dalam belia-belia di Selangor
- c. Belia berkemahiran hidup untuk membantu belia supaya lebih berkeyakinan dalam mencari pekerjaan



DOMAIN 6

KEBUDAYAAN, KREATIVITI DAN SUKAN

Budaya melambangkan bangsa. Masyarakat di Selangor terdiri dari mereka yang datang dari seluruh pelosok Malaysia. Selaras dengan itu, budaya masyarakat Selangor banyak dipengaruhi oleh budaya pelbagai kaum dan menjadikannya unik dan tersendiri. Hasrat kerajaan negeri yang ingin menjadikan Shah Alam sebagai Kota Seni, sejajar dengan galakan dan dukungan yang diberikan dari pelbagai bentuk oleh kerajaan negeri, selain pentas, kemudahan infrastruktur, bantuan dana yang disalurkan menerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan, Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), serta Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah, kesemua ini menjadi sumber utama pembangunan dan kelestarian budaya dan warisan Selangor. Dari sudut sukan dan belia di Selangor, ianya merupakan antara aktiviti utama belia di negeri ini lebih-lebih lagi dengan suasana kerja serta pembangunan yang pesat menyebabkan sukan menjadi satu platform utama belia melepaskan tekanan yang ada. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM7 juta kepada pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) untuk pembangunan sukan. Pada akhirnya, keunikan budaya serta kreativiti dan aktiviti sukan di Selangor memerlukan satu penelitian bagi memastikan ianya sentiasa di tahap maksimum dan berkualiti.

► ISU TERAS

1. Penerapan nilai agama dalam aktiviti kebudayaan dan seni kreatif dalam kalangan belia.
2. Memperluaskan kemudahan sukan dari segi kuantiti dan kualiti untuk seluruh belia dan masyarakat di Selangor
3. Menyebarluaskan seni dan kebudayaan masyarakat Selangor agar lebih dikenali dan menjadi kebanggaan generasi yang seterusnya
4. Menyediakan platform yang mudah diakses oleh belia untuk mereka menyerlahkan kreativiti dan potensi seni dan budaya yang ada
5. Kurang belia yang terlibat dengan seni dan kebudayaan negeri kerana tiada insentif yang menarik dari segi jangka masa panjang.
6. Kurang R&D dalam aktiviti seni dan budaya

► STRATEGI DASAR

1. Pewujudan Pelan Kerjasama Negeri dan Istana dalam pembangunan Seni, Kreativiti dan Budaya: SEBUDI (Seni, Budaya dan Inovatif)

Kerjasama antara kerajaan negeri dan pihak Istana untuk menjadikan kreativiti, seni dan budaya serta sukan sebagai teras pengukuhan jati diri belia Selangor. Melalui kaedah ini, pihak istana boleh menjadi pempengaruh (influencer) dan model untuk menarik minat belia mengenali keunikan Bunga Tanjong Kelopak Tujuh misalnya dengan menggalakkan simbol

bunga tersebut di seluruh hotel, spa serta baju kebaya masyarakat Selangor. Pelan ini juga melibatkan perancangan masa hadapan kerjaya mereka yang terlibat dalam bidang ini dengan memberikan insentif serta laluan kerjaya untuk mereka yang berminat. Ini penting bagi menjamin seni serta budaya yang dimiliki tidak hilang di arus zaman. Ianya juga mampu menarik minat golongan belia untuk terus aktif dan memperjuangkan seni dan budaya yang tinggi nilai estetika. Ianya juga mampu membantu dari sudut ekonomi dan masa depan belia.

- Penerapan nilai agama dalam aktiviti kebudayaan dan seni kreatif dalam kalangan belia.
- Menyebarluaskan seni dan kebudayaan masyarakat Selangor agar lebih dikenali dan menjadi kebanggaan generasi yang seterusnya
- Menyediakan platform yang mudah diakses oleh belia untuk mereka menyerlahkan kreativiti dan potensi seni dan budaya yang ada

2. Pembentukan Jawatankuasa Kerja R&D antara Exco Belia Negeri, JBSN dan IDE

Keperluan mengadakan jawatankuasa yang diterajui oleh Exco Negeri bagi melaksanakan kajian untuk menaiktaraf kualiti budaya dan seni kreativiti yang dihasilkan oleh pihak kerajaan negeri. Kerjasama ini penting bagi memastikan hasil seni dan kreativiti belia dan masyarakat Selangor setaraf produktiviti luar negara.

3. Penilaian dan Penaiktarafan Prasarana Sukan Negeri Selangor

- Melaksanakan penilaian situasi semasa prasarana sukan di Kerajaan Negeri Selangor dan menambahbaik prasarana tersebut selaras dengan keperluan semasa masyarakat.
- Meningkatkan akses kepada prasarana sukan yang sedia ada dengan mengurangkan kos penggunaan
- Memperluaskan kemudahan sukan dari segi kuantiti dan kualiti untuk seluruh belia dan masyarakat di Kerajaan Negeri Selangor.

Dengan cara ini, pelbagai lapisan masyarakat mampu untuk mendapatkan akses kepada kemudahan tersebut. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan kualiti kesihatan fizikal dan mental



DOMAIN 7

KEAGAMAAN, KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN

Kesihatan dan kesejahteraan belia telah menjadi isu yang diberi perhatian di Malaysia semasa pandemik COVID-19 melanda negara. Akibat pandemik COVID-19, kebanyakan belia telah kehilangan pekerjaan dan pendapatan, pergerakan sosial terbatas, tekanan keluarga, pendidikan terbatas dan sebagainya telah menyebabkan ancaman secara fizikal, mental dan sosial telah menjadikan isu utama kesihatan dan kesejahteraan belia Malaysia. Terdapat laporan kajian yang terkini, menunjukkan kesejahteraan belia Malaysia merosot akibat pandemik COVID-19. Satu kajian yang dijalankan oleh Majlis Anak Petaling Jaya bersama Childline Foundation (2020) semasa fasa awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendapati 38% remaja Lembah Klang menyatakan bahawa PKP memberi kesan negatif kepada kesihatan mental mereka, di antaranya termasuk kegelisahan, kemurungan dan kesunyian (Anila, 2020).

► ISU TERAS

1. Kos sara hidup menghalang komitmen belia untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat
2. Peningkatan masalah kesihatan mental semasa pandemik Covid-19.
3. Kesedaran dan maklumat mengenai kesihatan mental masih rendah
4. Sokongan dari persekitaran dan birokrasi sebagai fasilitator kesihatan dan kesejahteraan amat terhad
5. Agama sebagai panduan hidup
6. Peranan pempengaruh (influencers) media sosial dalam gaya hidup belia

► STRATEGI DASAR

1. Mengurangkan kos sara hidup

Kos sara hidup yang dimaksudkan adalah melibatkan kos penjagaan kesihatan, pemakanan, perumahan dan pengangkutan. Usaha – usaha ini perlu dilakukan secara berterusan dalam mengekalkan kos yang rendah bagi golongan muda dalam kehidupan seharian mereka. Polisi semasa yang diberikan oleh kerajaan negeri harus diteruskan seperti contoh Insurans Peduli Sihat, Bantuan Sihat Selangor, dan Anis. Dan juga dicadangkan untuk memperluaskan lagi usaha dalam meringankan beban kewangan yang sedang dihadapi oleh belia Selangor. Kerajaan negeri juga dicadangkan untuk meningkatkan upaya produksi makanan tempatan seperti kebun komuniti, pertanian bandar, dan pertanian kampung. Seperti contoh inisiatif yang telah ada iaitu terdapat satu badan NGO yang memperkasa komuniti tempatan dengan mengambil peranan bergiat aktif dalam pemprosesan makanan. Badan NGO ini, memulakan perniagaan dengan menjual produk buatan penduduk tempatan.

Inisiatif seperti dimiliki oleh golongan belia dan penduduk tempatan. Usaha ini juga boleh dilaksanakan dengan membina kerjasama dengan universiti tempatan untuk meningkatkan bekalan makanan yang sihat dan berpatutan, dan juga dalam mewujudkan peluang perniagaan kecilan. Sebagai contoh, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mendokumentasikan ‘model pertanian bandar yang berjaya’ di Malaysia yang berkemungkinan boleh diadaptasi untuk tujuan ini.

2. Meningkatkan perkhidmatan dan kesedaran sokongan psikososial

Inisiatif perkhidmatan baru diperlukan untuk memperluas perkhidmatan semasa dan melaksanakan perkhidmatan tambahan, termasuk meningkatkan jumlah penyediaan perkhidmatan kesihatan mental. Kerajaan Negeri Selangor juga dicadangkan dalam mempertimbangkan insentif pendidikan baru bagi pelajar untuk mengikuti program pengajian tinggi dan pascasiswazah dalam bidang yang berkaitan dengan kesihatan mental untuk meningkatkan bilangan pengamal pada masa hadapan di negeri ini. Usaha kesedaran harus ditingkatkan melalui kempen yang lebih giat dengan kerjasama strategik serta menyediakan insentif bersama NGO yang berkaitan dengan pembangunan belia.

- a. Menurunkan syarat kelayakan B40 (belia yang berumur 18-30 tahun sahaja) pendapatan (individu) ke RM3000 dan menambah perkhidmatan Psikiatri (selain rawatan kesihatan asas) ke Skim Insurans Peduli Sihat.
- b. Mewujudkan kumpulan sokongan kesihatan mental di lokaliti.

3. Memperbanyakkan dan meningkatkan kualiti taman awam dan kemudahan bersenam

Di Selangor, sebagai negeri yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai menyebabkan taman awam dan kemudahan rekreasi sangat popular untuk tujuan beriadah seisi keluarga. Kerajaan negeri dicadangkan untuk memberi insentif kepada pemaju untuk mewartakan lebih banyak tanah untuk ruang awam dengan tujuan menyediakan taman awam yang mempunyai kemudahan bersenam bagi menampung ruang yang tidak dapat menampung pengguna. Kerajaan negeri juga dicadangkan membuka lebih banyak taman awam dan kemudahan bersenam untuk mewujudkan budaya hidup sihat dalam kalangan penduduk. Dengan usaha ini, Kerajaan Negeri Selangor juga dicadangkan untuk membuat hebahan atau mempromosikan gim swasta dan kemudahan rekreasi swasta lain dengan menawarkan potongan harga dan insentif lain kepada belia – belia.

4. Memperbanyakkan program bersifat agama dan nilai – nilai moral

Program – program yang bersifat agama dan mempunyai nilai – nilai moral dianggap penting oleh belia di Selangor. Program – program ini dicadangkan untuk diteruskan, diperkuuhkan, dan juga perlu melibatkan isu – isu semasa yang dihadapi oleh belia – belia di Selangor. Sebagai contoh, kerajaan negeri boleh menyediakan kursus atau program keagamaan dan kerohanian supaya dapat membantu kalangan belia mengatasi masalah psikososial dan tekanan yang berkaitan dengan kos sara hidup dan sebagainya. Program-program ini adalah melibatkan kehidupan dan masalah yang dihadapi oleh belia – belia di Selangor. Program – program keagamaan di negeri ini juga harus dikaji semula untuk memastikan bahawa program



tersebut dilaksanakan dengan cara yang sesuai dengan kehidupan belia yang penuh dengan cabaran hidup. Jawatankuasa penasihat belia boleh ditubuhkan untuk membantu pendidik-pendidik agama dan badan agama dalam memastikan bahawa ajaran mereka sesuai dengan keperluan belia masa kini.

5. Mewujudkan program pementoran belia Selangor

Program pementoran belia harus dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai inisiatif baru dalam membantu menangani kesihatan dan kesejahteraan psikososial belia. Pementoran rakan sebaya, dan juga ‘mentor-menti’ melibatkan individu dewasa dan belia dapat membantu belia memperoleh pandangan, sokongan emosi dan bimbingan vokasional. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor diharapkan dapat memberikan sokongan dan insentif kepada NGO yang berkaitan terhadap pembangunan belia untuk meneroka inisiatif ini.

6. Mendokumentasikan model dan prototaip amalan terbaik

Kerajaan Negeri Selangor dicadangkan untuk membina kerjasama dengan universiti tempatan untuk mendokumentasikan kajian kes mengenai amalan terbaik di negeri ini yang dapat dijadikan model dan prototaip untuk menangani bidang strategi yang disebutkan di atas. Kini terdapat banyak usaha kecil yang berjaya dan usaha bersama pihak NGO yang telah menerapkan pendekatan inovatif yang dapat diadaptasi di dalam bidang lain. Walau bagaimanapun, contoh-contoh ini tidak didokumentasikan dengan betul. Oleh itu, dicadangkan pihak kerajaan negeri membina kerjasama dengan universiti tempatan untuk tujuan mendokumentasikan bagi setiap inisiatif yang berjaya dilaksanakan. Hal ini kerana, dengan mendokumentasikan model dan prototaip ini adalah untuk membangunkan inovasi dan strategik berkesan, di mana pada masa akan datang kerajaan negeri boleh menggunakan inisiatif – inisiatif ini untuk diadaptasi secara terus atau bekerjasama dengan pihak – pihak NGO.



DOMAIN 8

DIGITAL DAN MEDIA SOSIAL

Perkembangan dunia digital menjadikan Internet sebagai platform kepada media sosial yang mempengaruhi pelbagai golongan masyarakat khususnya belia. Media sosial ialah kumpulan aplikasi berasaskan Internet boleh dibahagikan kepada kategori tertentu yang menurut Kaplan dan Haenlein (2010) mengklasifikasikan media sosial kepada perkongsian info laman rangkaian sosial permainan maya dan dunia sosial maya. Safko (2010) pula menyenaraikan lebih banyak kategori media sosial, seperti rangkaian sosial; perkongsian foto, audio, video, siaran dan permainan dalam talian. Situasi ini menjadikan belia Selangor turut terdedah secara langsung kepada ancaman ideologi, budaya, hiburan dan pelbagai pengaruh luar tanpa panduan. Penggunaan media sosial yang mencapai tahap ketagihan yang semakin meningkat saban tahun tentunya akan memberi kesan buruk bukan hanya kepada individu belia, malah kepada negara (Indeks Belia Malaysia, 2019) serta memberi kesan kepada aspek psikologi dan sosial (Reinecke & Trepte, 2014, Ryan, Chester, Reece, & Xenos, 2014).

► ISU TERAS

1. Pendidikan digital dan literasi media sosial
2. Pengaruh digital dan media sosial kepada pembentukan sosio-budaya
3. Penciptaan peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan melalui platform digital dan media sosial
4. Ekonomi Gig dan keusahawanan dalam talian
5. Keselamatan siber, buli dan kesahihan maklumat
6. Pemerkasaan Inisiatif Smart WiFi Selangor dan perluasan akses capaian Internet

► STRATEGI DASAR

1. Program pendidikan digital, keselamatan siber dan literasi media sosial

Mempergiatkan program pendidikan, kesedaran, dan bimbingan tentang teknologi digital, media sosial, dan keselamatan siber melibatkan agensi dan kementerian bermula sejak dari sekolah menengah bagi kumpulan belia awal (15 hingga 18 tahun). Pendekatan program kesedaran dan bimbingan melalui latihan secara dalam talian secara lebih interaktif.



2. Insentif galakan kepada usaha literasi digital dan media sosial

Mewujudkan insentif kepada badan atau pihak yang bergiat secara aktif dalam usaha literasi digital dan media sosial, menyediakan maklumat bermanfaat dan hiburan yang mendidik kepada golongan belia secara dalam talian dan melalui media sosial

3. Pembangunan portal sehenti dan aplikasi pintar yang interaktif

Mewujudkan portal sehenti khusus untuk golongan belia yang melibatkan peluang pekerjaan, penjanaan pendapatan, perniagaan, pendidikan, dan aktiviti belia berkaitan melalui penyampaian maklumat yang interaktif.

4. Menggalakkan Ekonomi Gig dan keusahawanan dalam talian

Usaha pendigitalan di Negeri Selangor perlu diteruskan dalam menyediakan platform bagi ekonomi gig dan keusahawanan dalam talian khusus bagi golongan belia masa kini.

a. Usaha sama bersama Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan yang berkaitan ekonomi gig dan keusahawanan dalam talian perlu dipergiatkan secara berterusan agar sektor ekonomi gig dan keusahawanan dalam talian dapat berkembang dan memberi manfaat kepada belia serta rakyat Negeri Selangor

b. Mewujudkan entiti khusus di bawah kerajaan bagi fokus pada pengendalian aplikasi atau laman sesawang khas kepada belia untuk mempromosi atau menjual produk

5. Penambahan infrastruktur digital dan Wifi Smart Selangor

Menambah baik liputan Internet dan jalur lebar serta memperluaskan inisiatif WiFi Smart Selangor melalui pembangunan infrastruktur telekomunikasi.

a. Memperbanyakkan pembinaan menara pemancar menggunakan premis awam di Negeri Selangor bagi kawasan bandar dan luar bandar.
b. Memperluaskan lagi bantuan dari segi pemberian teknologi dan naik tarafkan 4G di kawasan pedalaman



DOMAIN 9

NASIONALISME DAN PATRIOTISME

Pembangunan pesat di Selangor tidak dinafikan mempengaruhi gaya hidup dan gaya fikir belia. Pemupukan semangat nasionalisme dan patriotisme yang berterusan penting ke arah kesinambungan generasi belia negeri yang berintegriti, bertanggungjawab dan aktif secara bersama membangunkan Selangor khususnya dan Malaysia amnya. Walaupun dapatan Indeks Belia Malaysia sejak 2008 sehingga 2019 menunjukkan tahap yang baik bagi aspek nasionalisme dan patriotisme dalam domain identiti, realitinya belia di Malaysia, tidak terkecuali di Selangor masih kurang memahami, mengikuti dan membincangkan tentang nasionalisme dan patriotisme dalam kehidupan seharian mereka.

► ISU TERAS

1. Pengamalan nilai murni dan toleransi agama dan kaum yang masih kurang dalam kalangan belia;
2. Pemupukan unsur nasionalisme dan patriotisme yang kurang dalam institusi keluarga dan masyarakat;
3. Identiti belia Selangor yang tidak begitu menonjol berbanding sesetengah negeri lain di Malaysia;
4. Kekurangan penglibatan belia Selangor dalam aktiviti kebudayaan negeri;
5. Penguasaan bahasa kebangsaan yang masih lemah dalam kalangan belia pelbagai kaum

► STRATEGI DASAR

1. Pewujudan Pelan Tindakan Nasionalisme dan Patriotisme Belia Selangor

Satu Pelan Tindakan Nasionalisme dan Patriotisme Belia Selangor perlu dibangunkan. Ini akan menjadi asas kepada usaha menggabungkan semua pemegang taruh dalam mewujudkan ekosistem yang menyokong kepada pendidikan dan pelaksanaan inisiatif ke arah belia Selangor yang celik perpaduan dan patriotisme.

- a. Pelan tindakan ini akan melibatkan pemegang taruh utama seperti YB Exco Generasi Muda dan wakil NGO dan Special Interest Group (SIG) Belia/Parti Politik, wakil Agensi Kerajaan Negeri dan pihak lain yang bersesuaian dengan agenda perpaduan dan patriotisme khususnya di Selangor.



- b. Mewujudkan Jati Diri Selangor sebagai identiti anak jati Selangor
 - c. Meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan belia Selangor
- 2. Pelaksanaan kuota representatif belia pelbagai kaum sebagai ahli dalam kepimpinan masyarakat merentas sektor (politik, sosial, komuniti, korporat)**

Pelaksanaan kuota belia pelbagai kaum dalam kepimpinan agensi sosial masyarakat di Selangor akan memastikan pengamalan nilai nasionalisme dan patriotisme dapat dilaksanakan di semua peringkat merentas sektor (politik, sosial, komuniti, korporat dan sebagainya) tanpa didominasi oleh satu kumpulan etnik semata-mata.

3. Penubuhan Institut Kepimpinan, Politik Dan Demokrasi (IKPD) Selangor

Inisiatif menubuhkan sebuah institut seperti IKPD akan memberikan peluang pendidikan dan latihan bukan sahaja berkaitan aspek kepimpinan, politik dan demokrasi malah turut menyentuh aspek nasionalisme dan patriotisme melalui perencanaan program seperti wacana, kursus jangka pendek, program pementoran dan perantisan bagi memupuk semangat ini dalam kalangan belia Selangor.



DOMAIN 10

KESEIMBANGAN ALAM SEKITAR

Belia adalah salah satu kumpulan penting yang boleh memainkan peranan penting dalam isu pemuliharaan alam sekitar. Dalam konteks alam sekitar, belia harus diberikan pendedahan tentang kepentingan alam sekitar yang seimbang dan dilibatkan dalam aktiviti berkaitan pemuliharaan alam sekitar. Bukan sesuatu yang mustahil untuk melibatkan belia dalam inisiatif berkaitan dengan keseimbangan alam sekitar, sekiranya dilibatkan dalam program yang tepat dan berkesan, mereka ini akan mempunyai kemampuan untuk memelihara alam sekitar dengan baik, memberikan minat serta memberikan fokus kepada aktiviti yang dijalankan.

► ISU TERAS

1. Kekangan sumber fizikal dan kewangan untuk menyokong amalan sedia ada serta menganjurkan program alam sekitar.
2. Kempen alam sekitar sedia ada bersifat one-off, ianya tidak strategik dan tidak dapat memberikan kesan yang maksimum kepada kumpulan sasaran.
3. Belia tidak mempunyai tahap pengetahuan yang meluas berkaitan dengan pengurusan siswa pepejal, pemuliharaan sungai, penjimatan elektrik dan air serta kesan perubahan cuaca.
4. Keterlibatan belia dalam hal ehwal alam sekitar pentadbiran negeri masih rendah
5. Tidak banyak pekerjaan yang mesra alam (green jobs) yang ditawarkan kepada belia.

► STRATEGI DASAR

1. Bengkel bertujuan membantu Kerajaan negeri/ NGO/ persatuan menyediakan platform dan pemberian geran,

Usaha ini dapat memberikan lebih banyak peluang kepada belia untuk terlibat dan memahami dengan lebih baik tentang kepentingan keseimbangan alam sekitar di negeri Selangor. Usaha ini memberikan peluang kepada Kerajaan negeri/NGO/persatuan untuk mengenal pasti mana-mana belia atau badan yang sesuai untuk diberikan dana bagi memastikan mereka boleh bergerak secara berterusan dalam aktiviti berkaitan alam sekitar.



2. Sokongan fasiliti bagi menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti berkaitan alam sekitar

Fasiliti yang lengkap amat penting dalam merealisasikan penglibatan belia dalam aktiviti berkaitan alam sekitar. Antara fasiliti yang boleh dipertimbangkan di sini ialah penyediaan kiosk kitar semula yang lebih banyak dan belia sendiri boleh dilantik bagi menguruskan kiosk ini.


3. Penggunaan media sosial bagi tujuan perkongsian ilmu dan maklumat berkaitan alam sekitar kepada belia


Dalam konteks belia hari ini, pengaruh media sosial dan media elektronik perlu digunakan sebaiknya bagi menggalakkan penglibatan mereka dalam hal ehwal alam sekitar pentadbiran negeri. Sebagai contoh, penggunaan media seperti Media Selangor bagi menyebarkan maklumat tentang kempen kitar semula, pemuliharaan sungai, kepentingan penjimatan air dan elektrik serta impak perubahan cuaca ke atas belia boleh dipertimbangkan. Selain itu, kempen alam sekitar melalui media sosial di peringkat sekolah dan universiti perlu digandakan bilangannya bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan alam sekitar di peringkat awal belia lagi.

- a. Menubuhkan urusetia bagi mengurus media sosial untuk menyampaikan segala maklumat kepada golongan belia.
- b. Mewujudkan platform atau aplikasi pintar Belia Hijau yang mengandungi wacana, ceramah dan temu bual dan pertandingan
- c. Bengkel kemahiran menghasilkan produk berdasarkan bahan terbuang/kitar semula.
- d. Pemberian Geran ‘Blueprint’ kepada belia yang ingin menceburi bidang kreatif berdasarkan bahan kitar semula.
- e. Pertandingan reka cipta bahan kitar semula mengikut kawasan, daerah dan PBT.

4. Inisiatif Usahawan Belia Hijau

Inisiatif ini dapat memberikan platform kepada belia Selangor untuk mendapatkan dana dan bimbingan untuk memulakan perniagaan yang berkaitan bidang alam sekitar dan pertanian. Antara contoh perniagaan hijau yang boleh diceburi belia ialah pembekal penyelesaian teknologi hijau dan alam sekitar, kesedaran dan pendidikan alam sekitar, latihan alam sekitar, audit dan penilaian alam sekitar.





DASAR BELIA SELANGOR

BAB 5

HARAPAN MENUJU 2030






Dasar Belia Selangor harus membentuk struktur sokongan dan penyampaian untuk pembangunan belia yang sihat untuk masa kini dan pada masa hadapan. Hasil kajian dari pemegang taruh utama dan cadangan khusus yang diberikan bagi setiap domain, pihak kumpulan pengkaji UPM telah berkongsi tujuan Dasar Belia Selangor yang perlu dicapai dalam masa 10 tahun akan datang. Antara harapan Dasar Belia Selangor menuju 2030, seperti berikut:

1. Penekanan dan keperluan untuk penyertaan politik secara lebih menyeluruh dalam kalangan belia di Selangor, Dasar Belia Selangor merangkumi belia bukan sahaja sebagai rakan kongsi dalam pembangunan tetapi turut mencadangkan langkah-langkah konkret untuk penglibatan belia dalam proses politik negeri. Berdasarkan penyelidikan baru-baru ini, Malaysia menghadapi krisis terhadap minat dan literasi politik dalam kalangan belia. Sekiranya kalangan belia tidak diberi peluang terlibat dalam politik, trend negatif ini ini akan terus berlanjutan, mengakibatkan kesan tidak sihat dalam demokrasi negara. Sebagai contoh apabila Kerajaan Negeri Selangor, melaksanakan inisiatif yang diusulkan dalam Dasar Belia Selangor ini, dapat menerajui usaha ini secara nasional.
2. Intensifikasi globalisasi pada semua sektor perlu dipertingkatkan dalam usaha mengantara bangsaan terhadap kalangan belia. Dasar Belia Selangor mencadangkan dengan menggunakan platform inovatif, dapat menyediakan ‘tools’/medium dan pengalaman kepada belia Selangor dalam mengembangkan pandangan, kesediaan dan kematangan yang lebih global untuk bertindak dan bertindak balas terhadap perubahan dunia di sekitar mereka.
3. Penyelidikan mengenai program keusahawanan yang berkesan menunjukkan pementoran sebagai strategi teras dalam pembangunan keusahawanan. Dasar Belia Selangor meletakkan pementoran belia / belia dewasa sebagai strategi utama dalam meningkatkan dan mengembangkan usaha keusahawanan di Selangor. Keutamaan ini juga merangkumi pengembangan latihan pementoran yang berfokus kepada bimbingan yang lebih inklusif untuk semua belia, tanpa mengira latar belakang akademik. Ini dapat dilakukan secara berterusan dengan menggunakan platform dalam talian dan infrastruktur pendidikan. Melalui Dasar Belia Selangor, kerajaan Negeri Selangor dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan yang semakin meningkat terhadap perbezaan tahap pendidikan dalam kalangan belia yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang berbeza.
4. Sejajar dengan itu, Dasar Belia Selangor mencadangkan pengembangan dan pengukuhan jaringan keselamatan pendidikan untuk memastikan setiap belia Selangor mempunyai laluan kerjaya yang selayaknya, tanpa mengira tahap pendidikan mereka. Peluang kerjaya untuk lepasan sekolah mesti diutamakan dengan memperkuatkan ekosistem pendidikan. Dasar Belia Selangor menangani hal ini dengan memberi penekanan untuk mengembangkan lebih banyak program pendidikan yang menarasarkan lebih kepada kemahiran hidup umum dan kemahiran bakat, termasuklah kemahiran seni, di mana terdapat minat yang besar dalam kalangan belia. Sejajar dengan itu, Dasar Belia Selangor mengutamakan pembangunan generasi belia kreatif yang lebih berorientasikan nilai. Walaupun kreativiti diperakui sebagai critical faculty / pendapatan kritikal terhadap banyak pekerjaan pada keadaan ekonomi semasa, di mana usaha kreativiti mesti disokong melalui aliran nilai yang tepat, yang sesuai dengan norma sosial negara. Dasar Belia Selangor secara tegas menyokong saranan ini.



5. Zaman pandemik (Covid-19) ini telah menimbulkan kebimbangan kritikal mengenai isu kesihatan dan kesejahteraan belia di negeri Selangor. Dasar Belia Selangor ini lebih mengutamakan dengan memberi penekanan perlunya infrastruktur yang lebih mantap untuk memenuhi keperluan kesihatan mental belia di Selangor. Perkhidmatan pencegahan terhadap kesihatan mental juga tidak boleh diabaikan. Oleh itu, Dasar Belia Selangor telah mencadangkan dalam meningkatkan infrastruktur di negeri Selangor supaya lebih banyak lagi kemudahan rekreasi dan taman rekreasi, serta program keagamaan dan kerohanian yang relevan dengan kehidupan dan cabaran yang dihadapi oleh belia di Selangor ini.
6. Mempunyai infrastruktur digital yang selamat sangat penting untuk masa hadapan belia, iaitu infrastruktur digital ini merujuk kepada keperluan dalam pendidikan dan kerjaya mereka. Dasar Belia Selangor ini menjadikan infrastruktur dan keselamatan digital sebagai keutamaan melalui inisiatif yang dicadangkan. Kalangan belia kini, sering menjadi mangsa dalam platform dalam talian, oleh itu lebih banyak inisiatif mesti dilakukan untuk memastikan keselamatan dalam talian terjamin.
7. Belia perlu menjadi ‘penjaga’ persekitaran sekeliling mereka. Misalnya isu kelestarian alam sekitar sering dipelopori oleh kalangan belia dan sektor NGO. Dasar Belia Selangor telah mengenal pasti isu ini sebagai salah satu isu dalam kalangan belia. Oleh itu, dasar ini menyeru kalangan belia supaya dapat memimpin dalam isu – isu persekitaran. Kerjasama antara kerajaan negeri dan NGO alam sekitar harus dipupuk, agar semua belia di negeri Selangor dapat menjadi pemimpin di persekitaran mereka.
8. Mewujudkan kumpulan umur baharu kumpulan Belia Dewasa akan menghentikan polemik berkaitan had umur belia yang sebenar dan mengikut takrifan yang lebih tepat dan piawaian antarabangsa serta mengambil kira realiti semasa situasi di Selangor. Kajian mendapati bahawa kedua golongan iaitu yang berumur 15-30 tahun dan 30-40 tahun masih mengharapkan agar mereka tidak terpinggir dalam agenda pembangunan belia Selangor. Takrifan had umur belia di Malaysia dan antarabangsa adalah pada purata 15 hingga 30 tahun. Bagi memastikan golongan yang berumur 30-40 tahun masih boleh disantuni oleh pihak berkepentingan berkaitan potensi anak muda maka dicadangkan agar diwujudkan satu lagi kategori umur iaitu Belia Dewasa. Sudah sampai masanya Negeri Selangor melalui Exco Generasi Muda menjadi negeri yang pertama menyelesaikan polemik berkaitan had umur ini dan terus mengiktiraf dan memberi fokus yang lebih berkualiti kepada dua golongan berkenaan (Belia dan Belia Dewasa). Pada akhirnya kedua golongan akan tetap mendapat manfaat secara bersama dan pendefinisian had umur mereka mengambil kira realiti semasa di Selangor dan dalam masa yang sama menepati takrifan di peringkat antarabangsa.
9. Pembentukan sesebuah Dasar perlu disekalikan bersama dengan enakmen atau perkara di bawah Undang-undang tubuh Negeri agar cadangan polisi dan pelan tindakan pembangunan belia memeliha hak dan keperluan belia berdasarkan peruntukan perundangan yang bersesuaian. Adalah dicadangkan agar satu enakmen berkaitan pembangunan belia disediakan bagi memastikan setiap cadangan polisi dalam Dasar Belia Selangor ini mengikut tadbir-urus dan peraturan yang adil dan saksama.
10. Mewujudkan pelaksanaan Modul Kejurulatihan (Training Of Trainers) Dasar Belia Selangor 2020 secara berterusan sebagai inisiatif untuk memberi latihan dan pemahaman dasar yang dibentuk kepada pelaksana, persatuan dan pertubuhan belia dan pihak berkepentingan dalam pembangunan belia Selangor agar agenda pembangunan belia dapat direalisasikan secara berkesan dan optimum.

- 
11. Menubuhkan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Selangor untuk menjadi peneraju kepada agenda pembangunan belia negeri melalui penyelidikan, pendidikan dan latihan berkaitan kepimpinan, politik dan demokrasi, nasionalisme, patriotisme dan perpaduan melalui perencanaan program seperti wacana, kursus jangka pendek, program pementoran dan perantisan bagi membangunkan potensi belia Selangor. Institut ini juga akan berperanan sebagai institusi bertanggungjawab menilai pelaksanaan Dasar dan menyediakan input seperti Indeks Belia Selangor kepada Kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan secara sistematik dan empirikal.
 12. Menentukan peruntukan khas pembangunan belia dalam belanjawan negeri pada setiap tahun dengan mengambil kira keperluan yang digariskan dalam dasar belia yang dibangunkan.
 13. Mencadangkan agar Dasar Belia Selangor 2020 ini dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun bagi memastikan kesinambungan agenda pembangunan belia Selangor berjalan secara tersusun dan lancar mengikut garis masa yang munasabah.





BAB 6

PENUTUP







Telah banyak usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan pembangunan belia di negeri Selangor. Program seperti Ahli Parlimen Belia Malaysia, Program Felo Perdana dan Felo Korporat, Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) dan Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) sebagai contoh, adalah bukti keprihatinan kerajaan negeri terhadap belia. Program seperti ini telah terbukti dapat menyerlahkan bakat belia selain dari menjamin pembangunan belia yang berterusan. Selain daripada contoh-contoh ini, kerajaan negeri telah merangka satu lagi rancangan pembangunan belia melalui pembentukan Dasar Belia Selangor 2020.

Usaha awal untuk membangunkan Dasar Belia Selangor telah bermula pada Februari tahun 2013, di mana pada waktu itu, kerajaan telah meluluskan usaha untuk membangunkan Dasar Belia Selangor 2014. Dasar ini telah dilancarkan pada April 2015 oleh Menteri Besar Selangor pada ketika itu. Bagi memastikan kesinambungan Dasar ini, pembangunan Dasar Belia Selangor 2020 telah diusahakan. Di Malaysia, belia dikategorikan kepada 8 kumpulan sasaran belia, iaitu Belia Bersekolah, Belia Pengajian Tinggi, Belia Berkerjaya, Perkumpulan Belia, Belia Massa, Belia Malaysia Antarabangsa, Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir dan Belia Berisiko. Disebabkan terdapat pelbagai kumpulan belia, sudah tentulah ada pelbagai keperluan dan kepentingan belia yang harus difahami Kerajaan Negeri sebelum sesebuah dasar dibangunkan dan untuk itu,



pembangunan Dasar yang berasaskan penyelidikan adalah penting bagi memastikan apa yang dirancang oleh kerajaan adalah selari dengan kemampuan, minat dan keperluan belia.

Selain itu, Dasar Belia Selangor diperlukan sebagai manual yang memandu hala tuju pembangunan belia dan berfungsi sebagai penimbang tara kepada status program pembangunan belia semasa. Antara objektif utama pembentukan Dasar Belia Selangor ialah menghasilkan standard key performance index (KPI) bagi memantau aktiviti pembangunan belia merentas agensi kepentingan di bawah Kerajaan Negeri, menghasilkan kerangka draf DBS 2020 yang berasaskan ‘dari belia kepada belia’ mendepani era Revolusi Industri 4.0 yang digariskan dalam polisi SMART Selangor, dan menghasilkan draf DBS 2020 yang komprehensif dan fleksibel bagi memandu aktiviti pembangunan belia di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Dalam dasar ini terdapat 10 domain utama dan bagi setiap domain ini, beberapa isu teras yang banyak menghalang kemajuan belia telah dikenal pasti. Berdasarkan isu ini, strategi penambahbaikan telah diutarakan. Sepuluh domain yang dimaksudkan ialah Kepimpinan dan Literasi Politik; Hubungan Antarabangsa dan Pemikiran Global; Keusahawanan dan Ekonomi Digital; Pekerjaan dan Pembangunan Kemahiran; Pendidikan; Kebudayaan, Kreativiti dan Sukan; Keagamaan, Kesihatan dan Kesejahteraan; Digital dan Media Sosial; Nasionalisme dan Patriotisme; dan Keseimbangan Alam Sekitar.

Dasar Belia Selangor ini sekiranya dirujuk, dapat memberikan panduan kepada pembangunan belia secara holistik dan sistematik. Menjelang tahun 2030, banyak aspek pembangunan belia yang diharap akan menjadi lebih baik dan maju. Peningkatan penyertaan politik dalam kalangan belia, ketetapan bagi kumpulan umur baharu kumpulan Generasi Muda mengikut takrifan yang lebih tepat dan piawaian antarabangsa serta mengambil kira realiti semasa situasi di Selangor, pembentukan sesebuah Dasar yang disekalikan bersama dengan enakmen atau perkara di bawah Undang-undang tubuh Negeri, mewujudkan pelaksanaan Modul Kejurulatihan (Training Of Trainers) Dasar Belia Selangor 2020 secara berterusan serta penubuhan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Selangor. Cabaran bagi Kerajaan Negeri adalah bagi memastikan kesemua yang dirancang di dalam dasar ini boleh direalisasikan dan sekiranya ia berlaku sudah tentulah penerima manfaat utama bagi dasar ini adalah lebih dari 1.4 juta belia di negeri ini.





www.selangor.gov.my